

## BERITA HARIAN

# Bursa ditutup bercampur-campur

→ FBM KLCI menokok  
2.95 mata, ditutup 1,773.96



**B**ursa Malaysia ditutup bercampur-campur dengan indeks penanda aras naik sedikit selepas disokong kenaikan saham berkaitan kewangan, perdagangan dan perkhidmatan, tetapi keseluruhan pasaran adalah lebih rendah, kata peniaga.

Penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) ditutup lebih tinggi kepada 1,773.96, naik 2.95 mata berbanding 1,771.01 ketika ditutup pada Rabu.

Selepas dibuka 3.29 mata lebih tinggi kepada 1,774.30, indeks terlibat bergerak antara 1,773.22 dan 1,782.54 sepanjang hari.

Suasana pasaran adalah negatif apabila kaunter rugi mengatasi untung sebanyak 590 berbanding 377, dengan 376 kaunter tidak berubah, 438 tidak diniaga dan 28 kaunter lagi digantung.

Jumlah merosot kepada 2.95 bilion unit bernilai RM3.17 bilion berbanding 3.38 bilion unit bernilai RM2.90 bilion kelmarin.

Peniaga berkata, prestasi positif bursa tempatan itu seiring dengan kebanyakan bursa serantau, dengan mengambil petunjuk prestasi semalaman di Wall Street yang lebih kukuh.

"Sentimen turut bertumpu kepada kenaikan harga minyak menjelang mesyuarat Pertubuhan Negara-Negara Pengeluar Petroleum (OPEC) lewat semalam, yang dijangka melanjutkan pemotongan pengeluaran sehingga 2018," katanya.

Kenaikan di FBM KLCI disebabkan suasana yang baik semalaman di pasaran seberang laut.

### Kaunter rugi atasi untung

Bagaimanapun, pasaran meluas adalah lebih lemah dengan kaunter rugi mengatasi untung, tetapi indeks barometer kekal positif dengan sokongan belian dalam saham kewangan, perdagangan

dan perkhidmatan serta berkaitan indeks.

Bagi saham wajaran tinggi, Maybank menokok tiga sen kepada RM9.39, Sime Darby susut dua sen kepada RM9.30, Petronas Chemicals jatuh empat sen kepada RM7.39 manakala TNB dan Public Bank tidak berubah masing-masing pada RM13.82 dan RM20.08.

Dalam kalangan saham aktif, AirAsia X jatuh 2.5 sen kepada 42.5 sen, Inta Bina menambah 5.5 sen kepada 30.5 sen, DRB Hicom untung empat sen kepada RM1.72 manakala PUC Founder dan Borneo Oil naik setengah sen tiap satu masing-masing kepada 15.5 sen dan 13 sen.

Antara saham berkaitan indeks yang meningkat, CIMB Group menokok 19 sen kepada RM6.32, Genting Malaysia untung 25 sen kepada RM6.20, Hong Leong Financial melonjak 44 sen kepada RM16.70 dan Hap Seng menambah 19 sen kepada RM9.14.

Indeks Emas FBM meningkat 17.61 mata kepada 12,692.17, Indeks FBMT 100 naik 21.88 mata kepada 12,317.64 dan FBM 70 menokok 32.27 mata kepada 15,218.26.

Indeks Syariah Emas FBM turun 48.36 mata kepada 12,940.97 dan FBM Ace susut 23.82 mata

kepada 6,531.90.

Dari segi sektor, Indeks Perladangan meningkat 6.19 mata kepada 8,060.02, Indeks Kewangan melonjak 132.32 mata kepada 16,501.16 dan Indeks Perusahaan menambah 10 mata kepada 3,282.76.

Jumlah dagangan Pasaran Utama turun kepada 1.91 bilion unit bernilai RM2.99 bilion berbanding 2.30 bilion unit bernilai RM2.75 bilion yang dicatat pada Rabu.

Jumlah di Pasaran Ace merosot kepada 624.05 juta unit bernilai RM132.48 juta berbanding 652.11 juta unit bernilai RM89.03 juta sebelum ini.

Waran jatuh kepada 399.02 juta unit bernilai RM55.17 juta berbanding 419.87 juta unit bernilai RM50.37 juta. Produk pengguna menyumbang 101.29 juta saham diniaga di Pasaran Utama, produk industri (441.04 juta), pembinaan (99.76 juta), perdagangan dan perkhidmatan (748.35 juta), teknologi (77.25 juta), infrastruktur (6.69 juta), SPAC (1.60 juta), kewangan (208.10 juta), hotel (1.47 juta), hartanah (175.37 juta), perladangan (29.72 juta), perlombongan (2,000), REIT (18.36 juta) dan tertutup/dana, 5,300.

BERNAMA